

Headline	Dana RM318 juta bangun teknologi hijau dilancar		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	25 Sep 2013	Circulation	192,982
Section	Ekonomi	Readership	1,521,000
Page No	B1	ArticleSize	391 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,187
Journalist	N/A	PR Value	RM 39,561
Frequency	Daily		



Dana RM318 juta bangun teknologi hijau dilancar

» *Usaha sama firma Jepun-Malaysia tubuhkan Putra Eco Ventures Inc salur pelaburan*

Malaysia menjalin usaha sama dengan syarikat Jepun, Asian Energy Investments Pte Ltd (AIE) bagi mewujudkan dana pelaburan berjumlah AS\$100 juta (RM318 juta) yang bertujuan menggalakkan cetusan idea dan inovasi baru di Asia Tenggara.

Untuk itu, syarikat pengurusan dana yang berpangkalan di Malaysia, Putra Eco Ventures Inc akan ditubuhkan bagi menyalurkan pelaburan dan menawarkan perkhidmatan perundingan perniagaan kepada syarikat teknologi hijau.

Langkah itu bertujuan meningkatkan pembangunan negara dan serantau serta pengeluaran produk dan perniagaan tenaga hijau, kata Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dalam satu kenyataan di San Francisco, Amerika Syarikat, semalam.

“Dana itu akan memberi tumpuan kepada perusahaan dan teknologi bersaiz kecil dan sederhana,” kata penyokong yang diketuai Prof Emeritus Datuk Dr Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Dr Kiyoshi Kurokawa, Penggerusi AEI serta bekas Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Jepun.

Najib membuat pengumuman itu pada Mesyuarat Ke-

tiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) yang dipengerusikan Perdana Menteri di San Francisco, semalam.

GSIAC dimulakan Perdana Menteri pada 2010 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan mentransformasikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi dengan meningkatkan keupayaan Malaysia dalam sains dan inovasi.

Pakar pembangunan

Ia dianggotai pakar pembangunan mapan global terkena, termasuk Dr Kurokawa dan Datuk Zakri sebagai pengerusi bersama sekretariat Majlis.

Syarikat pengurusan dana itu juga diamanahkan untuk membantu memulihkan kilang biodiesel Malaysia yang tidak lagi beroperasi berikutan kenaikan mendadak harga sawit mentah berikutnya kilang terabit bergantung kepada bahan mentah, selain mengkaji bahan mentah biodiesel yang lebih murah, termasuk sisa perbandaran dan sisa biomasyarikat minyak sawit.

Kepentingan Malaysia dalam dana baru itu akan diurus oleh MIGHT, yang diwakili oleh anak syarikat milik penuhnya, MIGHT Technology Nurturing Sdn Bhd.

AEI ialah cabang pelaburan luar Industrial Decisions Inc Jepun, syarikat di bawah naungan Mizuho Financial

Group.

Pengumuman itu selari dengan nasihat yang ditawarkan oleh pakar pembangunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global Malaysia yang menganggap pelaburan dalam teknologi hijau sebagai keutamaan bagi kalangan negara yang ingin meningkat dalam kedudukan kewangan dunia.

Sementara itu, pada majlis itu juga syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai perjanjian dengan General Electric dan Green Tech bagi meningkatkan pemodenan grid pintar elektrik.

Grid pintar menggunakan teknologi untuk mengumpul maklumat mengenai penggunaan dan bekalan tenaga, maklumat yang berguna untuk meningkatkan kecekapan, kebolehpercayaan, pengeluaran dan pengedaran elektrik secara berkekalan.

Sementara itu, tiga syarikat MSC Malaysia memuktamadkan projek antarabangsa mereka disaksikan Najib dalam menerajui hab global teknologi dan inovasi Lembah Silikon.

Pengumuman itu adalah sebahagian program jejak global MSC Malaysia yang meliputi perbincangan meja bulat antara Perdana Menteri, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan wakil lapan syarikat Malaysia dan global.

Lapan syarikat itu terdiri daripada PULSATE Sdn Bhd, INTEL Corporation, Revolution Analytics Inc, MOL Global Pte Ltd, Rixty Inc, JOOT Ventures Sdn Bhd, BrandX Development LLC dan XYBASE MSC Sdn Bhd.

Bertaraf dunia

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membangunkan organisasi Malaysia bertaraf dunia, selain pengembangan yang berjaya pada peringkat antarabangsa, inisiatif itu menggalakkan syarikat berstatus MSC Malaysia menjalin usaha sama dengan firma asing untuk peluasan perniagaan, mewujudkan kekayaan dan akses pasaran.

Antara yang membuat pengumuman ialah Joot Ventures membabitkan usaha sama dengan BrandX bagi melancarkan JOOTA, platform rangkaian kandungan sosial dalam pasaran Amerika Utara dan melepasinya.

JOOTA diwakili pengasas dan rakannya Ahmad Fauzi Ali dan Ashran Ghazi daripada Joot Ventures, manakala Andrew Wilmerding mewakili BrandX.

Najib turut menyaksikan pelancaran permainan dalam talian MOLPoints dan pengedaran barang digital dan platform pembayaran di Amerika Utara dan Amerika Latin.

BERNAMA

Headline	Dana RM318 juta bangun teknologi hijau dilancar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B1	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,187
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,561

“Dana itu akan memberi tumpuan kepada perusahaan dan teknologi bersaiz kecil dan sederhana”

Dr Zakri Abdul Hamid,
Penasihat Sains kepada Perdana Menteri

